

Perkasa unit cerun DBKL, tangani kejadian tanah runtuh di ibu kota

Oleh Ilah Hafiz Aziz

Kuala Lumpur : Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) digesa memperkasakan Unit Cerun Jabatan Kejuruteraan dan Pengangkutan Bandar, susulan kejadian tanah runtuh yang sering kali berlaku di ibu negara, kebelakangan ini.

Menteri Belia dan Sukan, yang juga Ahli Parlimen Segambut, Hannah Yeoh, berkata tahun lalu sahaja, pihaknya menerima lebih 100 aduan berhubung hakisan tanah di ibu negara daripada pelbagai pihak, termasuk orang awam.

Beliau berkata, pemerkasaan unit itu penting untuk memastikan tindakan yang lebih berkesan dan segera untuk mengelakkan insiden yang lebih serius berlaku akibat tanah runtuh.



Menteri Belia dan Sukan, yang juga Ahli Parlimen Segambut, Hannah Yeoh.

"Tahun lalu, kita terima lebih 100 aduan mengenai hakisan tanah. Seperti yang kita tahu di kawasan Segambut dan Lembah Pantai ini, banyak kawasan berbukit.


"Kita tidak dapat pastikan kawasan mana lagi akan terbabit, tetapi saya sebagai Ahli Parlimen Segambut berharap unit kejuruteraan yang menjaga tanah runtuh (cerun) ini diperkasakan.

"Kita sudah membawa perkara berkaitan pemerkasaan unit kejuruteraan cerun DBKL di Dewan Rakyat, baru-baru ini.

"Namun, saya juga sedar terdapat kekangan di pihak DBKL, berkemungkinan mereka kekurangan sumber dan tidak cukup kakitangan untuk menjalankan pemeriksaan di setiap kawasan berbukit," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau kawasan runtuhan bangunan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), hari ini.

Semalam, tanah runtuh dilapor berlaku berdekatan bangunan MACA milik SPRM di Persiaran Tunku Syed Sirajuddin, di sini.



Keadaan kejadian tanah runtuh di bangunan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Kuala Lumpur, semalam. - NSTP/Aswadi Alias

Kejadian dikatakan berlaku akibat takungan air, susulan hujan lebat sejak beberapa hari lalu serta paip bawah tanah pecah, yang turut menyebabkan pondok keselamatan di bangunan berkenaan runtuh.

Mengulas kejadian tanah runtuh berdekatan bangunan MACA itu, Hannah berkata, setakat ini, beliau berpuas hati dengan tindakan dan kerjasama yang dijalankan oleh pelbagai agensi bagi menangani masalah itu.

"Saya dimaklumkan Datuk Bandar juga sudah datang untuk melihat sendiri kejadian ini. Kejadian ini sangat bernasib baik kerana tidak membabitkan kemalangan jiwa.

"Laporan forensik sedang dijalankan dan kita akan tunggu sebelum memberi komen lanjut," katanya.



Keadaan kejadian tanah runtuh di bangunan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Kuala Lumpur, semalam. - NSTP/Aswadi Alias

Sementara itu, tinjauan BH di lokasi kejadian mendapati, kerja forensik untuk mencari punca runtuhan sedang dijalankan, membabitkan beberapa agensi, antaranya Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Bomba dan Penyelamat, DBKL dan Air Selangor.

Beberapa anggota bomba juga dilihat turun ke kawasan runtuhan sejak jam 9 pagi, dipercayai untuk melihat risiko kerosakan yang akan berlaku.



Pemerkasaan Unit Cerun Jabatan Kejuruteraan dan Pengangkutan Bandar penting untuk memastikan tindakan yang lebih berkesan dan segera untuk mengelakkan insiden yang lebih serius berlaku akibat tanah runtuh. - NSTP/Aizuddin Saad

-Berita Harian